



29 Jun 2013
29 June 2013
P.U. (A) 208

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (INSTRUMEN PEMBAYARAN ISLAM YANG DITETAPKAN) 2013

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (DESIGNATED ISLAMIC PAYMENT INSTRUMENTS) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (INSTRUMEN PEMBAYARAN ISLAM
YANG DITETAPKAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 41 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Bank Negara Malaysia, dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Instrumen Pembayaran Islam Yang Ditetapkan) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan

2. Instrumen pembayaran Islam yang berikut ditetapkan sebagai instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan:

(a) kad caj-i iaitu suatu instrumen pembayaran Islam yang menandakan suatu barisan kredit atau pembiayaan berdasarkan prinsip Syariah yang diberikan oleh pengeluar kepada pengguna dan apa-apa jumlah kredit atau pembiayaan yang digunakan oleh pengguna mesti diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditentukan, tanpa apa-apa lanjutan kredit atau pembiayaan;

(b) kad kredit-i iaitu suatu instrumen pembayaran Islam yang menandakan suatu barisan kredit atau pembiayaan berdasarkan prinsip Syariah yang diberikan oleh pengeluar kepada pengguna dan jika apa-apa jumlah kredit atau pembiayaan yang digunakan oleh pengguna belum diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditentukan, jumlah yang belum diselesaikan boleh tertakluk kepada rebat yang lebih rendah (*ibra'*) oleh pengeluar;

- (c) kad debit-i iaitu suatu instrumen pembayaran Islam berdasarkan prinsip Shariah yang ada kaitan dengan suatu akaun deposit di suatu institusi kewangan yang boleh digunakan—
- (i) untuk membuat pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan;
 - (ii) untuk pengeluaran wang tunai dari mesin teler automatik atau pengeluaran wang tunai di cawangan runcit yang mengambil bahagian melalui penggunaan kad debit-i dengan mendebitkan akaun pengguna; atau
 - (iii) bagi maksud subsubperenggan (i) dan (ii);
- (d) wang elektronik iaitu mana-mana instrumen pembayaran Islam, sama ada ketara atau tidak ketara, yang—
- (i) menyimpan dana secara elektronik sebagai tukaran kepada dana yang dibayar kepada pengeluar itu; dan
 - (ii) berupaya untuk digunakan sebagai suatu cara untuk membuat pembayaran kepada mana-mana orang selain pengeluar itu; dan
- (e) apa-apa gabungan instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan dalam subperenggan (a) hingga (d).